

|                   |   |                    |                          |
|-------------------|---|--------------------|--------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Sektor pelancongan sasar pendapatan RM3b seminggu menjelang 2020</b> |                    |                          |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Harian Ekspres (KK)</b>  |                    |                          |
| <b>Date</b>       | <b>06 Dec 2011</b>  | <b>Color</b>       | <b>Black/white</b>       |
| <b>Section</b>    | <b>Tempatan</b>   | <b>Circulation</b> | <b>29,826</b>            |
| <b>Page No</b>    | <b>1</b>  | <b>Readership</b>  | <b>97,836</b>            |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>  | <b>ArticleSize</b> | <b>63 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>N/A</b>  | <b>AdValue</b>     | <b>RM 130</b>            |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>  | <b>PR Value</b>    | <b>RM 390</b>            |



## Sektor pelancongan sasar pendapatan RM3b seminggu menjelang 2020

PADANG: Sumber pendapatan negara melalui sektor pelancongan disasarkan sebanyak RM3 bilion seminggu menjelang 2020, kata Timbalan Menteri Pelancongan Datuk Dr James Darwos Mamit pada Isnin.

Beliau berkata sasaran itu sejajar dengan pelaksanaan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia bagi meningkatkan industri pelancongan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Berucap pada majlis peny-

erahan projek pembangunan prasarana kemudahan pelancongan pusat rekreasi dan pendidikan alam flora di Kebun Jati Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) di sini hari ini, beliau berkata sebanyak 36 juta pelancong disasar melawat negara ini menjelang 2020.

Jumlah itu akan memberi pendapatan sebanyak RM168 bilion kepada negara selama setahun atau RM3 bilion seminggu, katanya.

Beliau berkata sepanjang tahun lepas, sebanyak 24.6 juta telah melawat negara ini dengan menyumbang sebanyak RM56.4 bilion kepada jumlah pendapatan negara atau RM1 bilion setiap minggu.

“ Pada masa ini Malaysia diletakkan di tangga kesembilan dalam ranking dunia bagi negara paling ramai dilawati pelancong antarabangsa dan yang kedua dalam ranking di negara Asia selepas China,” katanya. – Bernama